

GERBANG akademik

pilihan masa depan anda

Utusan
Malaysia

SABTU 15 FEBRUARI 2014



4 | Pelajar PTPL
luang masa
bersama anak yatim

6 | Peluang lebih cerah ke UK

Pentingnya
pendidikan awal
kanak-kanak

Kanak-kanak perlu dapat pendidikan terbaik, berkualiti

Oleh ROSMAWATI MION
 Gambar AZMAN ASMAYATIM

PENDIDIKAN awal kanak-kanak merupakan perkara penting untuk membentuk perkembangan emosi dan mental kanak-kanak termasuk membantu mencorak pembelajaran masa depan yang lebih baik dan seimbang.

Bukan itu sahaja, melalui pendidikan juga kanak-kanak dapat mengembangkan potensi diri dan lebih berkeyakinan untuk menghadapi cabaran luar. Sebab itu, sesetengah ibu bapa bertindak menghantar anak-anak mereka seawal usia tiga tahun ke pusat perkembangan kanak-kanak bagi membolehkan mereka menguasai kemahiran membaca dan menulis di awal usia.

Atas kesedaran itu, selain ingin memberikan pendidikan terbaik buat si kecil, Siti Nurbayu Yusoff, 30, mengambil keputusan menceburkan diri dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dengan membuka sebuah prasekolah melalui sistem français iaitu Smart Reader Kids.

Smart Reader Kids bukan lagi asing dalam kalangan ibu bapa. Namanya sentiasa mewarnai bibir ibu bapa setiap kali mereka membicarakan tentang pendidikan awal di negara ini apatah lagi ia telah membuktikan keupayaannya dalam menawarkan pendidikan awal kanak-kanak yang menyeluruh dan berkualiti.

Siti Nurbayu berkata, dalam memilih prasekolah untuk anak-anak, ibu bapa perlu melihat kepada program yang menampilkan pembangunan menyeluruh bukan cukup sekadar mengenal huruf dan nomor.

“Pendidikan untuk kanak-kanak sebenarnya perlu seimbang dari segi fizikal, emosi termasuk sosial kanak-kanak agar mereka tidak hanya bijak dalam pelajaran tetapi mampu berdiskari dan mempunyai keyakinan yang tinggi.

“Ibu bapa perlu teliti dalam memilih prasekolah untuk anak-anak mereka. Penekanan perlu diberikan kepada program yang diketengahkan selain mengambil kira tenaga pengajar di prasekolah tersebut,” kata pemilik francais Smart Reader Kids, Taman Bidara Selayang, Selangor ini.

Menurut Siti Nurbayu, sebelum melibatkan diri dalam bidang ini, dia juga melakukan kajian tentang prasekolah dengan melihat keistimewaan setiap prasekolah yang terdapat di Malaysia. Kebetulan ketika itu, dia juga sedang mencari prasekolah terbaik untuk anak-anaknya.

“Bagi saya, Smart Readers Kids adalah yang terbaik kerana pendekatannya lebih menyeluruh dan seimbang daripada segi pendidikan, emosi dan sosial. Malah, suka-suka mata pelajaran yang diketengahkan juga boleh membantu perkembangan diri kanak-kanak,” jelas ibu kepada tiga orang cahaya mata ini.

SITI NURBAYU YUSOFF
 (dua kanan) berbin-
 cang dengan tenaga
 pengajar untuk
 memastikan kanak-
 kanak mendapat pen-
 didikan berkualiti di
 prasekolah kendalian
 nya.



Keunikan Smart Reader Kids

Jelasnya lagi, sistem pembelajaran *Smart Reader Kids* mempunyai keunikan tersendiri dengan menggabungkan elemen kreatif dan kemahiran berfikir. Lebih penting, *Smart Reader Kids* memberikan satu persekitaran yang menyeronokkan buat kanak-kanak agar mereka ingin terus belajar dan tidak jemu untuk ke sekolah.

Konsep pembelajaran di *Smart Reader Kids* menekankan kepada aktiviti kelas yang menyeronokkan dan menarik bagi setiap subjek dan bersesuaian mengikut umur tiga hingga enam tahun.

Kanak-kanak akan didedahkan dengan subjek utama seperti *Smart Reader Bahasa Inggeris*, *Smart Bacaan*, *Smart Matematik*, *Smart Sains*, seni dan kraf serta terbaru adalah *Smart Tadris*.

Program *Smart Tadris* di bawah konsep *Smart Reader Kids Islam* diperkenalkan bagi memenuhi kehendak masyarakat beragama Islam. Melalui program ini, kanak-kanak dididik untuk menjadikan agama sebagai asas dalam kehidupan harian dan membantu mereka membesar dengan keperibadian yang baik dilengkapi nilai-nilai murni berpandukan ajaran Islam.

Dalam pada itu, Siti Nurbayu berkata, tenaga pengajar juga memainkan peranan penting untuk memastikan kanak-kanak mendapat pendidikan yang berkualiti di prasekolah.

Katanya, cara penjagaan dan pengasuhan kanak-kanak dalam kumpulan umur ini berbeza. Oleh itu, tenaga pengajar perlu dibekalkan ilmu asas akademik bersesuaian dengan keupayaan kanak-kanak bagi membolehkan si cilik mendapat pendedahan kreativiti dan memahami hal dunia persekitarannya menerusi pembelajaran yang menyeronokkan.



“Di *Smart Reader Kids*, setiap guru akan dihantarkan menjalani latihan di ibu pejabat dan mereka perlu lulus dalam latihan tersebut bagi membolehkan terus kekal sebagai guru *Smart Reader Kids*.

“Tetapi, bagi guru-guru di bawah kelolaan saya, mereka juga perlu menguasai sekurang-kurangnya tiga bahasa dan mempunyai keinginan untuk belajar maju ke hadapan,” kata graduan Diploma Sains Pembangunan Manusia dari Universiti Putra Malaysia (UPM) ini.

Bercerita tentang masa hadapan, Siti Nurbayu memberitahu dia mempunyai perancangan untuk membantu kanak-kanak di luar bandar untuk mendapatkan pendidikan awal kanak-kanak yang terbaik dan berkualiti.

Setakat ini katanya, *Smart Reader Kids* ada memperkenalkan program untuk membantu kanak-kanak *Smart Reader Kids* yang menghadapi masalah untuk meneruskan persekolahan di pusat tersebut.

“Selain usaha *Smart Reader Kids* itu, saya sendiri juga sedia menghulurkan bantuan khususnya buat anak-anak yatim yang memerlukan pendidikan secara formal,” katanya yang turut mengharapkan impianinya itu bakal terlaksana tidak lama lagi.



KANAK-KANAK diasah dengan kemahiran bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia supaya lebih yakin apabila melangkah ke alam persekolahan yang sebenar.